



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA
KENYATAAN MEDIA
BIL. 9 / 2023

**PERMOHONAN UNDI POS BAGI PILIHAN RAYA UMUM
DEWAN UNDANGAN NEGERI/ DEWAN UNDANGAN/ DEWAN
NEGERI (DUN) KE-15 BAGI NEGERI KEDAH, KELANTAN,
TERENGGANU, PULAU PINANG, SELANGOR DAN
NEGERI SEMBILAN (PRU DUN KE-15)**

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) ingin memaklumkan mengenai **tatacara dan tarikh-tarikh penting** berhubung **permohonan undi pos dalam dan luar negara** bagi **PRU DUN Ke-15**. Ini mengambil kira tarikh **jangka hayat sidang Dewan Undangan/Dewan Negeri/Dewan Undangan Negeri** bagi negeri-negeri Kedah, Kelantan, Terengganu, Pulau Pinang, Selangor dan Negeri Sembilan **akan berakhir tidak lama lagi**.
2. Sehubungan dengan itu, **permohonan undi pos** untuk semua negeri terlibat akan dibuka mulai **15 Jun 2023 (Khamis)**. Permohonan undi pos bagi semua kategori iaitu **Kategori 1A (Petugas Pilihan Raya, Anggota/Pegawai SPR dan Petugas Media)**, **Kategori 1B (Warganegara Malaysia yang tinggal di luar Negara)** dan **Kategori 1C (Agensi/Organisasi)**, hendaklah dibuat secara dalam talian (*online*) di pautan <https://myspr.spr.gov.my>.

3. Walau bagaimanapun, bagi **anggota polis dan tentera di bawah Kategori 1A**, kaedah **permohonan undi pos** dikekalkan **secara manual menggunakan Borang 1A** yang boleh dimuat turun dari portal <https://www.spr.gov.my> mulai **15 Jun 2023 (Khamis)**. Borang 1A ini hendaklah **diserahkan kepada Pegawai Pengurus Bahagian Pilihan Raya** pemohon mengundi selepas mendapat **perakuan oleh Ketua Jabatan masing-masing**.

4. Seterusnya **pemilih yang layak** dan berhasrat untuk **mengundi secara pos** hendaklah **mendaftar atau mempunyai akaun MySPR** sebelum membuat permohonan undi pos. Sehubungan itu, SPR menggalakkan mereka untuk membuat pendaftaran akaun MySPR di pautan <https://myspr.spr.gov.my> lebih awal bagi membolehkan mereka segera memohon apabila tempoh permohonan undi pos dibuka kelak serta bagi mengelakkan sebarang masalah sekiranya pendaftaran akaun mySPR ini dibuat pada saat-saat akhir.

5. **Tarikh tutup permohonan undi pos** bagi setiap kategori adalah seperti berikut:
 - (a) Kategori 1A: **tiga (3) hari sebelum Hari Penamaan Calon;**
 - (b) Kategori 1B: **tiga (3) hari selepas Mesyuarat Khas;** dan
 - (c) Kategori 1C: **enam (6) hari selepas Mesyuarat Khas.**

Tarikh Mesyuarat Khas Urusan PRU DUN Ke-15 bagi penetapan tarikh-tarikh penting termasuk tarikh tutup permohonan undi pos dalam dan luar negara **akan dimaklumkan kelak.**

6. Selanjutnya, untuk penghantaran kertas undi pos kepada **Pengundi Tidak Hadir (PTH) Luar Negara**, SPR menyeru kepada semua **PTH Luar Negara untuk menghubungi SPR bagi menyemak alamat luar negara yang disimpan dalam rekod SPR** serta **mengemas kini alamat** tersebut sekiranya telah berpindah atau telah kembali ke Malaysia. PTH Luar Negara berkenaan boleh menghubungi talian **03-8892 7218** atau e-mel ke pthluarnegara@spr.gov.my selewat-lewatnya pada **23 Jun 2023 (Jumaat)**.

7. Untuk sebarang **pertanyaan atau keterangan lanjut**, sila hubungi talian **03-8892 7218** atau **03-8892 7200**.

Sekian, terima kasih.

DATO' INDERA IKMALRUDIN ISHAK

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

8 Jun 2023 / 19 Zulkaedah 1444H